

31/12/1999

Pengalaman lalu mendewasakan Malaysia

Nazar Abdul

SEJARAH mengajar manusia lebih dewasa ... memang tepat sekali dalam konteks kewajaran dan kewarasan fikiran pemimpin dan rakyat Malaysia ketika melangkah ke alaf baru. Banyak peristiwa suka dan duka yang dilalui negara ini yang terbentuk sejak zaman kesultanan Melayu menjelang abad ke-15.

Generasi Malaysia sekarang dan akan datang perlu mempelajari dan menghayati peristiwa penting dalam sejarah negara untuk dijadikan iktibar dan panduan bagi menempuh masa depan yang penuh cabaran.

Pemimpin dan tokoh negara pula dianggap sebagai agen perubahan yang melaksanakan pelbagai dasar dan projek untuk mencapai pembangunan dan kemajuan yang diharapkan dalam pelbagai bidang khususnya politik, ekonomi dan sosial.

Menurut Fellow Institut Kajian Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sabihah Osman, peristiwa dan tokoh menjadi faktor penentu corak perubahan yang berlaku di negara ini. Tokoh seperti Dato Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak membawa perubahan kepada politik dan ekonomi Malaysia.

Perjuangan gigih Dato Onn dan Tunku Abdul Rahman untuk mendapatkan kemerdekaan harus dihayati generasi sekarang supaya mereka dapat menghargai usaha yang dilaksanakan oleh tokoh berkenaan. Sejarah menunjukkan tokoh kemerdekaan berjaya meletakkan asas kukuh pembangunan terutama dari segi perpaduan pelbagai kaum dan kestabilan politik.

Tunku Abdul Rahman adalah tokoh yang berjaya mewujudkan kestabilan politik dengan menggabungkan tiga parti yang berasaskan kaum seperti Umno, MCA dan MIC dalam Perikatan. Konsep ini diperluaskan bukan saja di kalangan parti politik lain di Semenanjung Malaysia, malah dengan mencakupi parti politik di Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri pertama itu memberi penekanan kepada usaha muhibah dan perpaduan ketika itu. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dapat hidup aman damai dan berkongsi kuasa memerintah negara ini selepas mencapai kemerdekaan.

Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri kedua yang digelar Bapa Pembangunan pula berusaha mengisi kemerdekaan dengan pelbagai projek pembangunan yang dapat mengubah taraf hidup rakyat terutama di luar bandar. Ini dilakukan dengan penekanan kepada pendidikan supaya lahir ramai golongan profesional dan berpendidikan tinggi.

Usaha memesatkan pembangunan dipertingkatkan dengan ketegasan Tun Hussein Onn melaksanakan pelbagai dasar yang diperkenalkan oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak supaya masyarakat Malaysia benar-benar beroleh kejayaan di bidang ekonomi dan sosial.

Ketokohan kepemimpinan Dr Mahathir pula tidak dapat dinafikan kerana membawa banyak perubahan besar yang tidak diduga hingga berjaya menaikkan martabat orang Melayu dan masyarakat Malaysia ke tahap yang membanggakan. Hasil usaha beliau selama 17 tahun menerajui negara, Malaysia kini bertukar wajah daripada negara membangun menuju ke tahap negara maju dengan mencapai kejayaan besar di bidang ekonomi dan pembangunan lain.

Kejayaan Malaysia di bidang ekonomi terutama industri automotif dan teknologi maklumat (IT) membuka mata dunia terhadap Malaysia sebagai negara membangun yang perlu diberi perhatian di rantau ini.

Bagaimanapun, dalam sejarah Malaysia, Tragedi 13 Mei 1969 adalah detik

hitam yang membawa banyak hikmah dan pengajaran hingga terbentuknya Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang membawa perubahan ketara kepada kedudukan masyarakat Malaysia khususnya kaum Bumiputera. DEB membantu menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang perbezaan antara kaum supaya mereka lebih harmoni dan bersatu-padu menikmati hasil pembangunan negara.

Kini golongan pertengahan atau elit Melayu daripada kalangan profesional dan syarikat semakin ramai menyumbangkan kepada kepesatan pembangunan negara serta bersedia menyahut cabaran lebih besar pada alaf baru.

Tokoh veteran Umno Tan Sri Mustaffa Jabbar pula berpendapat rakyat Malaysia dapat mempelajari banyak pengalaman sejarah dari segi politik dan pembangunan.

Katanya, kegigihan dan semangat tokoh politik masa lalu patut dihayati generasi muda sekarang supaya mereka dapat meneruskan perjuangan dan usaha membela nasib bangsa khususnya orang Melayu. Perpaduan dan kerjasama tokoh politik pada masa lalu menunjukkan hasil yang jelas iaitu kestabilan dan utuhan parti hingga dapat menghadapi pelbagai cabaran dengan jayanya walau bagaimana pahit sekalipun.

"Sikap pemimpin dulu lebih mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan diri harus dicontohi jika mahu parti terus kukuh dan maju," tegasnya.

Mustaffa yang juga bekas Setiausaha agung Umno, berkata kejayaan Barisan Nasional (BN) dari segi politik dan pembangunan juga menjadi contoh bagaimana rakyat pelbagai kaum dapat bekerjasama dan bersatu memajukan negara.

Katanya, peristiwa hitam 13 Mei, menunjukkan bahawa jika rakyat mudah dihasut oleh golongan perkauman dan masyarakat Melayu pincang maka berlakulah kejadian yang tidak diinginkan serta mengancam keselamatan negara. Peristiwa itu juga membuktikan ia merugikan semua pihak dan perlu ditangani segera jika mahu melihat Malaysia dan rakyatnya terus hidup aman damai serta mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Selain itu, hasil usaha gigih kerajaan yang disokong rakyat, Malaysia memperoleh kejayaan demi kejayaan dalam pembangunan hingga boleh digelar sebagai negara maju. Kejayaan Malaysia dalam tempoh 43 tahun mengecap kemerdekaan boleh dianggap sangat cemerlang berbanding negara membangun lain.

Malah bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher, ketika meraikan Dr Mahathir di satu majlis di London sebelum beliau mengundur diri dari Westminster beberapa tahun lalu mengkagumi kejayaan Malaysia. Menurut Thatcher, ketika Tanah Melayu memperoleh kemerdekaannya daripada Britain pada 1957 keadaannya sama seperti negara Ghana.

"Tetapi selepas lebih tiga abad, Malaysia sudah maju, tetapi Ghana masih mundur. Apa yang membezakan antara Malaysia dengan Ghana ialah pucuk pimpinannya mempunyai wawasan yang jelas dan bekerja keras untuk mencapainya. Malaysia juga mempunyai masyarakat majmuk yang bersatu-padu, sanggup bekerjasama dan gigih bekerja," kata Thatcher.

Walaupun Malaysia berada jauh di hadapan negara membangun yang seusia atau lebih dewasa daripadanya, kita tidak boleh terlalu manja sehingga tidak lagi mahu bekerja keras. Kita masih lagi mempunyai kelemahan yang perlu diatasi dan diperbaiki untuk memastikan usaha pembangunan berjalan lancar dan hasrat menjadikan Malaysia negara maju pada 2020 menjadi kenyataan.

Kita perlu mengeratkan perpaduan dan merapatkan barisan dalam menjana pembangunan yang diimpikan. Banyak negara di dunia yang hancur disebabkan pertelingkahan sesama sendiri yang tidak menguntungkan sesiapa, malah merugikan semua pihak.

Perpaduan amat penting bagi Malaysia dalam menempuh arus globalisasi. Konsep globalisasi hari ini sudah banyak berubah. Ia bukan lagi sekadar

kuasa pasaran, tetapi turut dibaluti pengaruh kuasa besar. Globalisasi kini berlaku dengan pantas. Percaturan globalisasi kini dibayangi pelbagai peraturan, kadangkala tiada peraturan langsung.

Globalisasi membawa pelbagai pilihan dan peluang baru. Kita semakin mengetahui kepelbagaian sejagat. Tetapi, pada masa yang sama berjuta-juta penduduk dunia menerima globalisasi bukan sebagai agen perubahan, sebaliknya kuasa pemusnah yang menghancurkan mereka, menyebabkan mereka kehilangan kerja dan merobek budaya serta tradisi hidup.

Oleh itu, pendekatan atau formula masa lalu yang digunakan oleh Malaysia wajar menjadi pengajaran dalam mengharungi globalisasi. Sejarah mengajar kita supaya sentiasa berwaspada dan waras dalam mengemudi negara ke arah kejayaan yang lebih gemilang pada alaf baru.

(END)